



13 MAY, 2026

## Ekuinas jana RM7.1b ekuiti Bumiputera sejak ditubuhkan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Ekuinas jana RM7.1b ekuiti Bumiputera sejak ditubuhkan

Prestasi disokong  
hasil terkumpul  
berjumlah  
RM5.7 bilion selain  
pengukuhan  
portfolio strategik

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@dn.com.my

**Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas)** menjana ekuiti Bumiputera bernilai RM7.1 bilion dan jumlah nilai pemegang saham sebanyak RM8.5 bilion sejak ditubuhkan, hasil daripada peruntukan pelaburan RM5.1 bilion merangkumi 49 syarikat portfolio.

Prestasi itu disokong hasil terkumpul berjumlah RM5.7 bilion, selain pengukuhan portfolio strategik, termasuk sektor penjagaan kesihatan yang meningkat kepada 29 peratus daripada portfolio aktif Ekuinas pada 2025.

Pada masa sama, jumlah kakitangan Bumiputera yang memegang jawatan pengurusan dalam syarikat portfolio Ekuinas turut meningkat kepada 36.9 peratus, mencerminkan usaha berterusan syarikat memperkukuh penyer-taan Bumiputera dalam sektor korporat dan perniagaan negara.

Ekuinas semalam mengumumkan Laporan Impak 2025, yang menunjukkan peralihan dan perkembangan positif dalam usahanya memperluas peranan dalam ekosistem pelaburan Malaysia, berlandaskan tiga teras penciptaan nilai iaitu ekuiti persendirian, kredit persendirian dan pembinaan kapasiti.

Tahun 2025 menyaksikan Ekuinas mencapai mercu tanda pertama Bumiputera 'Relay Race' menerusi tawaran awam permulaan (IPO) Orkim Bhd, yang menandakan kejayaan pemindahan pemilikan dan kepimpinan syarikat portfolio kepada Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Pada Januari 2025, Ekuinas memasuki fasa baharu apabila syarikat itu digabungkan di bawah naungan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB), sebelum menjadi anak syarikat penuh PNB pada Julai 2025.

**Pembaharuan kepemimpinan**  
Perubahan itu turut disusuli pembaharuan kepemimpinan menerusi pelantikan Aliff Omar Mohamad Omar sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Aliff Omar berkata, pencapaian syarikat pada 2025 mencerminkan evolusi berterusan Ekuinas sebagai pelabur modal persendirian bersepadu yang menyokong syarikat



Aliff Omar  
Mohamad Omar

pasaran pertengahan Malaysia dalam pelbagai peringkat pertumbuhan.

"Kami mengukuhkan tumpuan dalam ekuiti persendirian, kredit persendirian dan pembinaan kapasiti, selain mencapai mercu tanda Bumiputera 'Relay Race' pertama menerusi IPO Orkim.

"Ia menunjukkan bagaimana nilai boleh dicipta, dikekalkan dan dipindahkan kepada institusi lebih besar dalam ekosistem pelaburan negara bagi menyokong pertumbuhan seterusnya," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebahagian daripada ekosistem syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), Ekuinas terus bergerak selari dengan agenda nasional termasuk GEAR-uP, sambil mengekalkan disiplin menjana impak dan pulangan jangka panjang.

Dalam laporan berkenaan, ekuiti persendirian kekal menjadi tonggak utama strategi Ekuinas dengan tumpuan terhadap usaha mengubah syarikat berpotensi tinggi menjadi peneraju pasaran menerusi pemilikan aktif.

Sepanjang tempoh pelaburan selama 11 tahun sejak 2014, Orkim berkembang menjadi pengendali utama kapal tangki produk petroleum ditapis di Malaysia dengan pegangan pasaran melebihi 50 peratus kapal berdaftar di negara ini ketika penyenaian.



13 MAY, 2026

## Ekuinas jana RM7.1b ekuiti Bumiputera sejak ditubuhkan

Berita Harian, Malaysia

### SUMMARIES

Prestasi disokong hasil terkumpul berjumlah RM5.7 bilion selain pengukuhan portfolio strategik zaky@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) menjana ekuiti Bumiputera bernilai RM7.1 bilion dan jumlah nilai pemegang saham sebanyak RM8.5 bilion sejak ditubuhkan, hasil daripada peruntukan pelaburan RM5.1 bilion merangkumi 49 syarikat portfolio. Prestasi itu disokong hasil terkumpul berjumlah RM5.7 bilion, selain pengukuhan portfolio strategik, termasuk sektor penjagaan kesihatan yang meningkat kepada 29 peratus daripada portfolio aktif Ekuinas pada 2025.